

**EDISI JUL – DIS 2023**

# CETUSAN

**FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA**

IN ONN

**FKAAB** | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM  
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>



EDISI **JUL - DIS 2023**

# **CETUSAN**

**FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA**

## ISI KANDUNGAN

Akademik .....	05
Penyelidikan dan Inovasi .....	21
Aktiviti Pelajar .....	39
Staff FKAAB .....	59
Komuniti (CSR / KTP / SULAM) .....	63

## PASUKAN CETUSAN FKAAB

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Haziman Bin Wan Ibrahim	<i>Penasihat</i>
Prof. Madya Ts. Dr. Rafidah Binti Hamdan	<i>Pengerusi</i>
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nor Haslinda Binti Abas	<i>Timbalan Pengerusi</i>
Encik Khairul Asyraf Bin Mohd Rodzi	<i>Ketua Editor</i>
Dr. Junaidah Binti Jailani	<i>Senior Editor</i>
Ts. Dr. Tong Yean Ghing	<i>Senior Editor</i>
Dr. Basil A/I David Daniel	<i>Senior Editor</i>
Puan Siti Khalijah Binti Yaman	<i>Editor</i>
Puan Nadiyah Binti Noor Hisham	<i>Editor</i>
Encik Mohd Khairi Bin Zainal	<i>Editor</i>
Puan Norita Binti Samsudin	<i>Editor</i>
Puan Jalilah Binti Md Mohtar	<i>Ketua Pereka Grafik</i>
Puan Norkama Azura Binti Dolah	<i>Pereka Grafik</i>






**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

EDISI JUL - DIS 2023

**CETUSAN**

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA



# AKADEMIK

**FKAAB** |

*Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM  
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>

## 'RE ASSESSMENT AUDIT' MS ISO/IEC 17025:2017



UTHM Commercial Laboratories (UCL) telah berjaya mengekalkan persijilan akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS ISO/IEC 17025 untuk tempoh lima tahun lagi sehingga tahun 2028. Satu audit untuk tujuan pengekalan akreditasi telah dijalankan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) pada 7-8 September 2023 yang lepas. Susulan daripada 'Re assessment Audit' tersebut mendapati UCL telah memenuhi keperluan dalam pematuhan akreditasi SAMM.

Empat orang juruaudit terlibat dalam 'Re assessment Audit' ini. Ia diketuai oleh ketua juruaudit iaitu Encik Ng Chin Soo dan 3 juruaudit yang lain iaitu Dr. Kwek Kuan Hiang, Encik Yeoh Wee Theng dan Encik Chan Keng Sam. Untuk makluman, UCL berjaya memperoleh pengiktirafan Pensijilan Akreditasi MS ISO/

IEC 17025 oleh Jabatan Standard Malaysia pada 10 Mei 2022. Skop akreditasi yang terlibat adalah 'chemical' dan 'mechanical'. Makmal yang terlibat merangkumi Wastewater Engineering Laboratory (WWEL), Advanced Material Engineering Laboratory (AMEL) dan Jamilus Research Centre (JRC), Research Centre for Soft Soil (RECESS), Microelectronics and Nanotechnology- Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC) dan Research Center for Applied Electromagnetics (EMCenter) dimana tiga darinya adalah makmal Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB).

Tahniah diucapkan kepada semua ahli UCL yang telah bekerja keras untuk pengekalan akreditasi tersebut. Semoga persijilan MS ISO/IEC 17025 ini akan berjaya dikekalkan pada tahun-tahun mendatang.



## PONTOON 2023



Penganjuran pertandingan Pontoon Konkrit Antarabangsa tahun 2023 (ICPC23) telah di adakan pada 19 -20 hb November 2023 dengan penyertaan sebanyak 15 kumpulan dari pelbagai universiti dalam negara seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Selangor (UNISEL), INTI International University and Collage, Politeknik Sultan Idris Shah, Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga beberapa universiti dari Indonesia seperti Universitas Negeri Malang, Universitas Sebelas Maret dan State polytechnic of Malang.

Pertandingan ini menawarkan hadiah berupa wang tunai dan sijil kepada pemenang dari 3 jenis kategori iaitu Pontoon Terbaik, Video Terbaik dan juga kategori khas iaitu; Hijau/kelastarian, Penyambungan Inovatif, Hasil Kerja Pembuatan dan Nisbah Kekuatan kiub/berat Konkrit. Pemenang pertandingan ini telah di ungguli

oleh peserta daripada Universiti Teknologi Malaysia yang telah menghantar sebanyak 4 kumpulan dan memenangi hadiah utama bagi kategori pontoon Terbaik. Tahniah di ucapkan kepada Kumpulan TALC dari Universiti Teknologi Malaysia.

### Pontoon Terbaik:

1st	UTM - TALC
2nd	UTM - INFINITECRETE
3rd	Poly Negeri Malang- Helios Garudamuka
4th	UTM-TEAM CP

### Anugerah Istimewa:

1st	Green/sustainable material UNISEL-FLOAT ELITE CREW
2nd	Innovative connector UKM-Yeah Bouy
3rd	Workmanship UTM-CP
4th	Cube strength over-weight concrete- Politeknik Sultan IDRIS Shah-Boyan C Sabaq





## PELAJAR SENIBINA UTHM TIMBA ILMU DAN PENGALAMAN DI KOTA MALANG

Seramai 28 pelajar daripada program Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyertai Program Mobiliti Outbound Antarabangsa Berkredit Malang 2023 yang telah dilaksanakan pada 24 September hingga 1 Oktober lalu.

Program tersebut berjaya dilaksanakan hasil kerjasama tiga universiti dari dua negara, iaitu UTHM mewakili Malaysia serta Institut Teknologi Nasional (ITN) Malang dan Universitas Negeri Malang (UM) mewakili Indonesia.

Program mobiliti itu diadakan bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara UTHM bersama ITN Malang dan Universitas Negeri Malang, terutama yang dapat menyumbang secara langsung dalam bidang pengajaran, kajian ataupun program kemasyarakatan. Selain itu, pelaksanaan program itu juga membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali program Senibina yang dijalankan di Indonesia serta mempelajari keunikan budaya serta seni bina khususnya di kota Malang.

Para pelajar UTHM turut diiringi dua pensyarah dari Jabatan Senibina, iaitu Khairul Asyraf Mohd Rodzi dan Muhamad Adli Faezal Rosnan sepanjang keberadaan mereka di Indonesia. Menurut Khairul Asyraf, program itu dapat dilaksanakan hasil komitmen berterusan yang diberikan oleh Prof. Ir. Dr. Lalu Mulyadi dari ITN Malang

yang juga merupakan Profesor Pelawat FKAAB, UTHM, sambil dibantu oleh beberapa tenaga pengajar dari institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan iaitu Dr. Debby Susanti dan Ir. Gaguk Sukowiyono serta Dr. Muhamad Aris Ichwanto dari UM.

“Antara aktiviti yang dijalankan, kuliah umum, lawatan penanda aras (benchmarking) di fasiliti serta kemudahan di ITN Malang, kajian lapangan terhadap bangunan-bangunan warisan di Kota Kayutangan, Malang, mendaki gunung Bromo dan Semeru serta lawatan ke Masjid Tiban Turen.

“Sesi perkongsian maklumat berhubung pelaksanaan program turut dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti program kedua-dua institusi pengajian tinggi pada masa akan datang.

“Selain itu, para pelajar juga telah terlibat secara langsung dalam projek lukisan terukur (measured drawing) bangunan warisan di Kota Kayutangan yang telah disusun oleh pihak ITN Malang sambil dibantu oleh Ir. Budi Fathony, yang juga merupakan pakar dalam bidang seni bina warisan di Kota Kayutangan,” jelas beliau.

Para pelajar juga diberi peluang untuk turut serta dalam kuliah bersama pelajar-pelajar ITN Malang sekali gus memberi pengalaman baharu kepada mereka menghadapi suasana pembelajaran di IPT luar negara.



## PELAJAR SENIBINA UTHM RAIH KEMENANGAN DI ARCHITECTURAL STUDENT WORKSHOP 2023

Kumpulan pelajar program Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya membawa pulang dua piala kemenangan ketika menyertai pertandingan sempena berlangsungnya Architectural Student Workshop 2023 (ASW2023) pada 8 hingga 11 Ogos lalu.

ASW2023 yang ke-34 anjuran UCSI University itu menyaksikan kumpulan pelajar terbabit berjaya meraih kemenangan bagi acara Society Rebuild kategori Observation Deck dan Anugerah Khas 'Sorakan terhebat'.

Untuk rekod, ASW2023 merupakan program tahunan yang dianjurkan secara bergilir dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjalankan program Senibina di Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Pengisian utama program Rewind 34th ASW 2023 ialah pertandingan senibina yang berbentuk kreativiti dan inovasi di peringkat kebangsaan yang bertemakan "Rewind". Beberapa kategori telah dipertandingkan antaranya Society Rebuild: Installation, Videografi, Pertandingan Bakat: Menyanyi, Fotografi dan Pertandingan Reka Bentuk Rakit.

Pertandingan tersebut diadakan bertujuan

untuk meningkatkan daya saing pelajar dalam bidang senibina melalui penyertaan dalam pertandingan, selain memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada pelajar melalui pelbagai aspek.

Program itu juga turut menyediakan pelbagai bengkel aktiviti yang komprehensif bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam aspek kesenibinaan yang bersifat kreatif, bernilai keusahawanan dan penyelesaian masalah teknikal seni bina. Antara modul yang disediakan, Communication Drawing, Conceptual Art, Bamboo Crafting, Watercolour Art, Leaf Weaving dan Graphic Illustration.

Menurut Pensyarah Jabatan Senibina, Khairul Asyraf Mohd Rodzi, penyertaan para pelajar senibina UTHM di Rewind 34th ASW 2023 dilihat sebagai satu ruang dan peluang untuk meningkatkan kualiti hasil kerja dan kemahiran insaniah pelajar selain mempromosikan program senibina UTHM dalam kalangan IPT.

"Penyertaan itu juga memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pendedahan menyeluruh tentang industri senibina dan pembinaan daripada wakil-wakil industri, pensyarah dan pelajar lain yang berpengalaman serta memiliki kemahiran," katanya.



## PELAJAR SENIBINA UTHM RAIH DUA KEMENANGAN DI PAM ANNUAL ARCHITECTURE STUDENT WORKS 2023

Seramai 10 pelajar program Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat kedua dalam Pertandingan “Dynamic Dance of Headgear” dan Silver Award bagi kategori Best Booth Display “Dancing Tower” ketika menyertai PAM Annual Architecture Student Works 2023 (PAASWE) pada 3 hingga 8 Oktober 2023 lalu.

Program PAASWE kali ke-17 anjuran Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) itu merupakan program tahunan yang dianjurkan dengan penglibatan institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh Malaysia.

Antara pengisian utama program pada tahun ini ialah pertandingan booth pameran yang bertemakan “Dancing Tower” selain beberapa pertandingan selingan antaranya Sketching Competition, Straw Abstract Competition dan Stick Structure Competition yang penyertaannya

terbuka kepada pelajar seni bina.

Tujuan pertandingan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar jurusan seni bina membuktikan keupayaan mereka dalam menghasilkan seni dan kreativiti dalam tempoh yang diberikan.

Selain itu, tujuannya juga bagi memberi pendedahan berkaitan ilmu praktikal dalam pembuatan model berskala kecil yang merangkumi pelbagai aspek seni bina.

Penyertaan para pelajar Senibina FKAAB dilihat sebagai suatu platform yang luas bagi mempromosikan program pengajian Senibina di UTHM di samping dapat mempamerkan hasil kerja mereka.

Penyertaan tersebut juga bertujuan memberi lebih keyakinan kepada para pelajar dalam menghasilkan hasil kerja yang kreatif dan berkualiti, selain dapat mempromosi program pengajian Senibina di UTHM.



## FESTIVAL SENIBINA JOHOR 2023

<b>Tarikh</b>	: 18 November 2023
<b>Masa</b>	: 9.00 AM - 5.00 PM
<b>Tempat</b>	: Toppen Shopping Centre, Johor Bahru
<b>Panel</b>	: En. Khairul Asyraf Mohd Rodzi : En. Muhamad Adli Faezal Rosnan
<b>Peserta</b>	: 40 pelajar Program Senibina

Festival Senibina Johor Bahru (FSJB) 2023 merupakan program anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) bertujuan bagi mempromosikan profesyen arkitek kepada orang awam selain menjadi platform kepada penganjur untuk menonjolkan karya dan hasil karya pelajar mereka. Program ini telah memberi pendedahan kepada pelajar Program Senibina UTHM akan kualiti kerja yang dihasilkan pelajar UTM selain dapat mencipta networking sesama komuniti pelajar Senibina. Kehadiran tokoh hebat seperti Ar. Razin Mahmood, Ar. Adrianta Aziz, Ar. Farid Ghaffar dan sebagainya telah memberi perkongsian dan inspirasi kepada pelajar untuk terus mendalami ilmu kesenibinaan. Hari pertama program menyaksikan upacara perasmian program selain bual bicara santai bersama professional, pembekal dan pemain industri yang lain.







## ARCHINIGHT 2.0 2023

- Tarikh** : 19 November 2023  
**Masa** : 7.00 PM - 11.00 PM  
**Tempat** : Sekitar FKAAB  
**Panel** : PM. Ir. Ts. Dr. Haslinda Abas  
 : PM. Ts. Dr. Azeanita Suratkon  
 : Pensyarah Jabatan Senibina  
**Peserta** : 33 pelajar Tahun 1 Kursus BFR 10106 Studio Senibina 1

Archinight 2.0 2023 merupakan program anjuran Architecture Brigade, kelab pelajar Program Senibina UTHM. Program ini diintegrasikan bersama Program Fuyoo FKAAB dan merupakan kesinambungan daripada Archinight 1.0 yang dianjurkan pada tahun lepas di Dataran Terbuka. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (HEP), PM. Ir. Ts. Dr. Haslinda Abas sebelum semua pengunjung dibawa menyaksikan pembentangan. Program ini menyaksikan 33 orang pelajar Tahun 1 Program Senibina menampilkan light installation masing-masing yang juga merupakan tugas projek di bawah kursus BFR 10106 Studio Senibina 1. Program ini merupakan platform untuk para pensyarah program menilai hasil kerja dan kreativiti pelajar selain memberi peluang untuk pelajar Tahun 1 mengenali staf akademik jabatan. Program ini juga dibuka untuk dilawati kepada semua pelajar UTHM dan pengunjung diberi kesempatan untuk mengundi light installation kegemaran mereka.

## LAWATAN TEKNIKAL KE KILANG PEMBUATAN KONKRIT PRATUANG, SENAI, JOHOR



**Tarikh** : 19 Oktober 2023  
**Masa** : 7.00 AM - 5.00 PM  
**Tempat** : HL-Manufacturing Industries Sdn Bhd  
**Pengiring** : Dr. Sushilawati binti Ismail

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mendedahkan peserta kepada kaedah pembuatan komponen konkrit pratuang dan operasi serta pengurusan projek IBS di kilang. Para peserta juga turut terdedah kepada situasi sebenar alam pekerjaan sebagai seorang jurutera di industri pembinaan.

Program telah dimulakan dengan sesi penerangan mengenai latar belakang Syarikat HL-Manufacturing Sdn Bhd, kaedah pembuatan komponen konkrit pratuang, dan pengurusan kilang. Setelah itu, program diteruskan dengan

sesi lawatan ke yard/production line pembuatan komponen konkrit pratuang tersebut. Antara pembuatan komponen-komponen yang dapat dilihat adalah rasuk, tiang, dinding, dan juga komponen 3-D seperti bilik kebal.

Dengan usaha untuk melahirkan mahasiswa yang lebih cakna dengan situasi di dalam industri pekerjaan, program ini adalah boleh menjadi satu titik awal bagi Pembangunan professional dalam diri mahasiswa. Dengan adanya program ini sekaligus dapat menaikkan nama kelab dan juga universiti yang menitikberatkan kepentingan kemahiran pembelajaran di luar kelas. Kemahiran yang dipelajari juga dapat dipraktikkan oleh mahasiswa sewaktu di alam pekerjaan.



## SULAM KURSUS JURUTERA DAN MASYARAKAT


<b>Tarikh</b>	: 11 November 2023
<b>Masa</b>	: 9.00 AM - 5.00 PM
<b>Tempat</b>	: Dewan Sultan Ibrahim, UTHM
<b>Panel</b>	: Dato' Lukman bin Abu Bakar Profesor ( <i>Adjung UTHM, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Rakyat Johor</i> ) : Dr. Mohd Saufi bin Kamarudin ( <i>The Center of Career Advancement &amp; Almuni</i> ) : Dr. Yip Bao Fang ( <i>Jabatan IEM YES Southern Branch</i> ) : Ir. Juraimi ( <i>Jabatan IEM Southern Branch</i> )
<b>Peserta</b>	: 30 pelajar sebagai peserta daripada setiap fakulti dan 30 Urusetia daripada IEMSSUTHM beserta 71 pelajar Seksyen 2 kursus Jurutera dan Masyarakat BFC32202

Pada 11 November 2023 (Sabtu), telah berlangsungnya program "From Ideas to Reality" secara fizikal di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Program ini disertai oleh semua peserta dengan semangat dan dedikasi, memberikan manfaat yang besar sejourus memupuk budaya inovasi dalam

diri pelajar. Pelajar diiringi oleh pensyarah kursus Jurutera dan Masyarakat, Ir. Ts. Dr. Raha binti Abd Rahman.

Program ini telah disampaikan oleh empat panel jemputan iaitu Dato' Profesor Lukman bin Abu Bakar, Dr. Mohd Saufi bin Kamarudin, Dr. Yip Bao Fang dan Ir. Juraimi. Program ini juga dapat dijayakan dengan sokongan KPRJ (Kumpulan Prasarana Rakyat Johor SDN). Penghargaan juga ditujukan kepada wakil terhormat dari pelbagai industri yang memmeriahkan program, kerana berkongsi kepakaran dan pandangan. Antaranya ialah peserta Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pengangkutan (MOT), Shafaz Nature, DBZ Global Training, Eva Energy, Wentel Engineering, dan KECSB. Kehadiran mereka menunjukkan komitmen bersama untuk membangunkan jurutera-jurutera masa hadapan.

Pertandingan inovasi ini juga mempamerkan kreativiti dan kepintaran luar biasa pelajar sejourus menyediakan pelajar dengan platform untuk mengubah idea menjadi realiti. Program tersebut juga menampilkan ceramah bernas tentang Pembangunan Kerjaya dalam Kejuruteraan, meninggalkan kesan yang berkekalan dan menawarkan bimbingan berharga kepada semua pelajar yang hadir semasa program.



# PENYELIDIKAN & INOVASI

## FRGS 2023

Fakulti juga merakamkan ucapan tahniah kepada empat staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) yang telah

menerima Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) pada tahun 2023.

### FRGS



**UTHM 30**  
 30th Anniversary

*Congratulations*

**ASSOC. PROF. DR. NUR SHAYLINDA BINTI MOHD ZIN**  
 for successfully received FRGS

**An insight of ammoniacal nitrogen degradation via aerated electrocoagulation process for matured leachate safe disposal**

**(RM93,200.00)**  
 sincerely  
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030



**UTHM 30**  
 30th Anniversary

*Congratulations*

**DR. NOORWIRDAWATI BINTI ALI**  
 for successfully received FRGS

**Additive Manufacturing Formulation using Ground Granulated Blast Furnace Slag and Spent Catalyst as Cement and Sand Partial Replacement**

**(RM105,000.00)**  
 sincerely  
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030



**UTHM 30**  
 30th Anniversary

*Congratulations*

**MR. WAN AFNIZAN BIN WAN MOHAMED eWAN ABD GHANI**  
 for successfully received FRGS

**Microelectronics sludge as a nanoporous absorbent composite with graphite oxide for ammonium recovery to sustainable nutrient rich wastewater treatment**

**(RM73,000.00)**  
 sincerely  
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030



**UTHM 30**  
 30th Anniversary

*Congratulations*

**PROF. MADYA DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI**  
 for receiving  
 FRGS Grant 2023  
 for

**A Novelty in the Investigation of Bridge Deformation Monitoring based on the Point Cloud Database Analysis in supporting of the Bridge Management System (BMS)**

sincerely  
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030

## RISE 2023

Fakulti juga merakamkan ucapan tahniah kepada tiga pasukan daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

(FKAAB) yang telah menyertai The International Research Symposium and Exposition (RISE) pada tahun 2023.

### RISE 2023



## ICONCEES 2023 MEDAN PERKONGSIAN PENULISAN ILMIAH PERINGKAT ANTARABANGSA

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah menganjurkan persidangan antarabangsa, International Conference on Civil and Environmental Engineering for Sustainability (IConCEES 2023) untuk kali yang ke-7 pada 9 dan 10 Oktober 2023 lalu. Persidangan yang merupakan acara dwitahunan telah dijalankan secara fizikal di Impiana KLCC, Kuala Lumpur dan secara maya melalui aplikasi "Microsoft Teams".

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dato' Normah Osman selaku wakil rasmi Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia hadir menyempurnakan majlis persidangan yang diadakan pada 9 Oktober lalu. Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Pegawai-pegawai Kanan universiti dan para peserta dari dalam dan luar negara.

Bertemakan "Engineering A Better Future: Multidisciplinary Perspectives on Sustainable Development", sesi ucapnama disampaikan oleh dua pakar iaitu Dato' Normah Osman dan Prof. Dr. Obiya Hiroyuki dari Saga University. Manakala dua lagi ucapnama dibuat secara maya disampaikan oleh Prof. Dr. Tavio dari Institut Teknologi Sepuluh Noverber dan Prof. Ir. Ts. Dr. Adnan Zainorabidin dari UTHM.

Dato' Normah berkongsi berkaitan topik "Sustainable Transport in Malaysia" manakala Prof. Dr. Obiya pula berkongsi tentang penyelidikan beliau bertajuk "Strict Tangent Geometrical Stiffness for Ultra Large Displacement Analysis – Two Different

Approach -". Manakala Prof Dr Tavio menyampaikan penyelidikan bertajuk "Environmentally Friendly Biomaterial Innovation for Retrofitting of Houses and Low-Rise Buildings in Indonesia" dan Prof. Ir. Dr. Adnan dengan tajuk "Forensic in Geotechnical Engineering."

Secara keseluruhan, sebanyak 108 kertas kerja penyelidikan telah dibentangkan oleh peserta yang hadir dari Malaysia, Indonesia, Pakistan dan juga Serbia. Pelbagai hasil kajian yang dibentangkan mengikuttemapersidanganini merangkumi bidang alam bina, persekitaran dan sumber asli, pengangkutan dan infrastruktur serta struktur dan bahan.

Menurut pengerusi persidangan, Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohammad Razi persediaan rapi hampir setahun telah dibuat bagi memastikan persidangan ini berjalan dengan lancar.

"Pihak kami menerima maklum balas positif daripada peserta dan ini membuktikan persidangan ini sudah diterima oleh penyelidik dunia sebagai satu platform pembentangan bertaraf antarabangsa," katanya. Sementara itu, Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan FKAAB, Profesor Madya Dr. Rafidah Hamdan pula berkata penganjuran program itu merupakan sebahagian daripada inisiatif memperkenalkan fakulti dan universiti di persada dunia sekali gus sebagai medan perkongsian penulisan ilmiah peringkat antarabangsa.





## INNOW 2023: KE ARAH KELESTARIAN INOVASI

Penganjuran kali kedua FKAAB Innovation Week (InNow 2023) telah berlangsung dengan jayanya pada 19-21 November 2023 yang dijalankan serentak dengan penganjuran Karnival Gegar FKAAB 2023. Pertandingan kali ini dijalankan secara hibrid dan dikategorikan kepada Young Inventor Challenge (YIC) dan Sustainable Innovation (SUSTAIN).

InNow 2023 telah menerima sebanyak 83 penyertaan daripada sekolah rendah, sekolah menengah, kolej komuniti, kolej vokasional, politeknik dan universiti. InNow 2023 juga buat pertama kalinya menerima penyertaan antarabangsa daripada Universitas Bakrie dan Universitas 'Aisyiyah Yogyakarta.

Kategori Young Inventor Challenge (YIC) yang terbuka kepada pelajar sekolah, menyaksikan sebanyak 7 penyertaan mendapat pingat emas, 29 pingat perak dan 6 pingat gangsa. Bagi Sustainable Innovation (SUSTAIN) pula, sebanyak 10 penyertaan menerima pingat emas, 20 pingat perak dan 11 pingat gangsa. Anugerah Best of the Best bagi YIC telah dimenangi oleh SMK Tun Habab, Kota

Tinggi, Johor dengan produk inovasinya iaitu Waste Cooking Oil (WCO) Reverse Vending Machine manakala anugerah Best of the Best bagi SUSTAIN pula telah dirangkul oleh Muhamad Aniq Haziq di bawah penyeliaan Prof. Madya Ts. Dr. Narimah Kasim dari FPTP dengan inovasi bertajuk Glass Waste as Sand Replacement in 3D Printing Concrete.

Tema pada tahun ini masih dikekalkan iaitu "Think. Sustainable. Innovation" bagi menggalakkan inovasi yang mendokong kepada kelestarian alam sekitar selain memberi peluang kepada para peserta mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka. Objektif program tercapai dengan pelbagai produk telah dipamerkan yang menggunakan bahan-bahan kitar semula, diolah, diubahsuai dan diguna semula menjadi produk inovasi yang dapat memberi manfaat mengikut fungsi produk inovasi masing-masing. Semoga dengan anugerah yang dimenangi dapat menaikkan semangat peserta untuk menghasilkan produk dan inovasi yang dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.



## MAJLIS MENANDATANGANI MOU UTHM-UNTAG



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan Universitas 17 Agustus 1945 Samarinda, Kalimantan (UNTAG) anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) bertempat di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM. Prof. Ts. Dr. Azme Khamis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM wakil rasmi Naib Canselor telah mewakili pihak UTHM bagi menandatangani memorandum persefahaman dengan Universitas 17 Agustus 1945 Samarinda, Kalimantan (UNTAG) yang diwakili oleh Dr. Marjoni Rachman, Rektor UNTAG. Sesi menandatangani MoU tersebut turut disaksikan Encik Naim Maslan, Pendaftar

/ Ketua Pegawai Operasi UTHM dan Puan Dayang Donna Faroek, S. Psi, M. Mm, Ketua Umum Yayasan, UNTAG.

Majlis ini turut dihadiri Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Dekan-dekan Fakulti / Pusat serta deligasi daripada UNTAG.

MoU ini selaras dengan misi UTHM dalam menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid. Ia juga selari dengan sasaran hala tuju universiti yang baharu iaitu untuk menjadi sebuah Global Technopreneur University pada tahun 2030 (GTU 2030).



## LAWATAN PENYELIDIK MPRC KE FUKUOKA, JEPUN AKTIVITI TOSHIBA INTERNATIONAL FOUNDATION

Lawatan penyelidikan antarabangsa yang dibiayai oleh Toshiba International Foundation telah diadakan di Eco-Town Center, Kitakyushu, Fukuoka, Japan serta beberapa lokasi kebudayaan Jepun pada 1-6 Oktober 2023. Lawatan ini merupakan aktiviti geran penyelidikan antarabangsa bertajuk Future Generation of 'Mottainai' Culture Exposure from Japan Industrial Eco Town to Empower Plastic Waste Recycling Management in Developing Countries. Tujuan lawatan ini ialah untuk mempelajari teknologi kitar semula secara sistematik oleh industri-industri ternama di Jepun serta mengenali budaya masyarakat Jepun menerusi lawatan ke beberapa lokasi bersejarah di Jepun.

Lawatan ini telah diwakili oleh Ketua Pusat Kecemerlangan dibawah Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E), UTHM iaitu Micropollutant Research Centre (MPRC), Professor Madya Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed, Timbalan Dekan (Penyelidikan, Penerbitan dan Prundingan) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina yang juga penyelidik utama MPRC, Professor Madya Dr. Rafidah binti Hamdan, pasca doktoral, Dr. Siti Nor Hidayah binti Arifin, dan pembantu penyelidik siswazah, Nur Diyana binti Hairuddin dan Norshila binti Abu Bakar. Lawatan ini juga telah melibatkan pensyarah dan penyelidik dari KOSEN College, Kure,

Hiroshima, Japan, Professor Madya Dr. Daisuke Tanikawa sebagai penterjemah Bahasa Jepun kepada Bahasa Inggeris

Lawatan akademik di Pusat Bandar Eko, Kitakyushu ini telah dimulakan dengan sesi pengenalan dan taklimat berkenaan sejarah penubuhannya dari kawasan industry paling tercemar di Jepun sehingga menjadi bandar eko yang berjaya. Projek kitar semula bahan terpakai seperti plastik, botol, logam dan bahan buangan mikroelektronik yang dikumpulkan, di proses dan di kitar semula serta penghasilan produk baharu untuk dijual kembali kepada pihak industri dan orang awam. Penubuhan Pusat Bandar Eko, Kitakyushu ini bertujuan untuk menubuhkan rangkaian kitar semula sumber dengan matlamat mencapai pelepasan gas rumah hijau hampir sifar.

Seterusnya, lawatan diteruskan di tapak penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui. Projek ini dibangunkan bagi penghasilan tenaga elektrik dengan menggunakan kincir angin dan di salurkan kepada kilang-kilang berdekatan untuk penggunaan semula. Selain itu, pendedahan dan sesi lawatan juga telah diadakan ke kilang-kilang kitar semula seperti kilang kitar semula botol PET, kilang kitar semula peralatan elektrik dan kilang kitar semula peralatan rumah.



## LAWATAN INDUSTRI OLEH FOKUS GRUP COMSET KE SYARIKAT KA BINA CONSULTANCY GROUP SDN. BHD.

### Ahli lawatan industri:

Prof. Madya Ts. Dr. Mustaffa Bin Hj. Ibrahim  
(Ketua MOU: UTHM – KA Bina, FKMP)

Dr. Noor Azlina Binti Abdul Hamid  
(Ketua FG ComSET, FKAAB)

Dr. Noorwirdawati Binti Ali  
(Ketua Geran FRGS 3D, FKAAB)

Dr. Siti Radziah Binti Abdullah  
(Ahli MOU & Geran FRGS 3D, FKAAB)

Dr. Norhafizah Binti Salleh  
(Ahli MOU & Geran FRGS 3D, FKAAB)

Program lawatan industri ke KA Bina Consultancy Group Sdn. Bhd. telah dijalankan pada 10 September 2023 yang terletak di Taman Perindustrian Subang, Subang Jaya, Selangor. Seramai 4 orang pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) yang juga merupakan ahli penyelidik fokus grup ComSET (Composite Structural Engineering Technology) serta seorang profesor madya dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah mengambil bahagian dalam lawatan ini. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan perkongsian kepakaran serta kerjasama erat hasil daripada MOU yang telah dijalinkan di antara syarikat tersebut dengan UTHM khususnya berkaitan dengan teknologi 3D konkrit.

Sebaik tiba di sana, kedatangan kami telah disambut mesra oleh En. Akmal dan



En. Lokman selaku co-founder syarikat tersebut dan beliau telah memberikan taklimat mengenai latarbelakang syarikat, perkhidmatan serta latihan yang disediakan. Perbincangan kepakaran dari pihak FKAAB dan FKMP serta perancangan jalinan kerjasama khususnya latihan kepada staf dan pelajar serta penyelidikan turut dipersetujui bersama bagi memastikan teknologi 3D konkrit ini berjaya dilaksanakan.

Seterusnya kami dibawa melawat ke ruangan makmal bagi memberikan sedikit pendedahan kepakaran yang dimiliki dalam pembinaan 3D konkrit serta demonstrasi proses pembuatan dan pelaksanaan di tapak bina. Penerangan terperinci juga diberikan mengenai fungsi setiap mesin yang digunakan dalam pembuatan 3D konkrit.





## MAJLIS MENANDATANGANI MOU UTHM-UWKS

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan Universitas Kusuma Wijaya Surabaya (UWKS) dan Universitas Bakrie, Indonesia anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) bertempat di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM.

Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah mewakili pihak Universiti bagi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universitas Kusuma Wijaya Surabaya (UWKS) yang diwakili Prof. Dr. H. Widodo Ario Kentjono, Rektor Universitas Kusuma Wijaya Surabaya (UWKS). Manakala Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universitas Bakrie, Indonesia pula diwakili Prof. Ir. Sofia W. Alisjahbana, Rektor Universitas Bakrie. Sesi menandatangani MoU tersebut turut disaksikan Prof. Ir. Dr. Mohd Haziman Wan

Ibrahim, menjalankan tugas Dekan FKAAB dan Dr. Ir. Endang Noerhartati, Wakil Rektor Bidang Hubungan Kerjasama dan Kelembagaan, Universitas Kusuma Wijaya Surabaya (UWKS) dan Dr. Mohammad Ihsan A.Md, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Komputer, Universitas Bakrie. Majlis ini turut dihadiri Prof. Ts. Dr. Azme Khamis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof. Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Dekan-dekan Fakulti / Pusat serta deligasi dari Universitas Kusuma Wijaya Surabaya (UWKS). MoU ini selaras dengan misi UTHM dalam menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid. Ia juga selari dengan sasaran hala tuju universiti yang baharu iaitu untuk menjadi sebuah Global Technopreneur University pada tahun 2030 (GTU 2030).





## LAWATAN KERJASAMA SDRC KE PAJ

Lawatan kerjasama SDRC ke Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) bertempat di Gelang Patah, Johor telah diadakan pada hari khamis, 6hb Julai 2023. Seramai 4 penyidik utama SDRC, 1 Ketua FG PaveMat, 1 Pen Jurutera SDRC serta 1 Pelajar Phd di bawah seliaan PM Dr Munzilah Md Rohani telah hadir ke lawatan tersebut. Taklimat ringkas berkenaan Pusat Penyelidikan Pemanduan Bijak (SDRC) telah disampaikan oleh ketua pusat SDRC, Dr Mohammad Nasir Mohamad Taher dan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) oleh En Fadzil Abd Hamid selaku Ketua Pegawai Operasi. Di samping itu, satu sesi pembentangan sebahagian dapatan kajian telah dijalankan oleh pelajar phd berkenaan penggunaan pengangkutan awam di Batu Pahat, Johor. Perbincangan kerjasama antara kedua pihak meliputi potensi peluang penyelidikan, perundingan serta penawaran kursus-kursus yang bersesuaian. Program Kidsafe anjuran SDRC juga telah menarik minat pihak PAJ untuk turut serta didalam program ini bagi memberi input berkenaan kemudahan pengangkutan awam dikalangan pelajar sekolah. PAJ juga berperanan dalam tadbir urus pengangkutan awam yang holistik dan komprehensif di Johor melalui Pelan Induk Pengangkutan Johor (PIPJ) 2015-2045. Lawatan ke pusat kawalan bagi mengawal pengoperasian Bas Muafakat Johor (BMJ) juga memberi pendedahan kepada warga SDRC berkenaan sistem pengangkutan awam pintar menggunakan sistem GIS bertujuan untuk penjejakan, pengawasan dan pengawalan.





## BENGKEL PENERBITAN: HIGH QUALITY PUBLICATION

Bengkel Penerbitan anjuran Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah dijalankan pada 9 Julai 2023 bertempat di Bilik Lestari 2, PTTA. Bengkel yang telah dihadiri oleh 15 orang staf akademik ini telah telah dijayakan oleh Professor Wan Azmi Wan Hamzah. Antara objektif utama “Bengkel Penerbitan: High Quality Publication” ini dijalankan adalah untuk membantu staf menghasilkan artikel yang berkualiti dan dapat diterbitkan di jurnal berimpak tinggi. Hasil daripada bengkel ini seterusnya akan membantu meningkatkan bilangan penerbitan berimpak tinggi bagi FKAAB. Seterusnya, dijangkakan bilangan sitasi staf juga akan meningkat dengan terdapat peningkatan bilangan penerbitan di dalam jurnal yang berindeks dan berimpak tinggi. Semoga dengan menjalankan program sebegini akan meningkatkan kualiti penerbitan ilmiah di kalangan ahli akademik fakulti khususnya dan UTHM amnya.



## MESYUARAT KERJASAMA & PERUNDINGAN CERAPAN DATA LALULINTAS DI SMK SERI LALANG

Satu mesyuarat khas kajian lalulintas di hadapan SMK Seri Lalang bersama SDRC telah dijalankan pada hari khamis 6hb Julai 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat 3 Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, UTHM. Seramai 3 wakil dari pihak SMK Seri Lalang termasuk YDP PIBG, GPK HEM serta guru hadir didalam mesyuarat berkenaan bagi membincangkan keselamatan pelajar serta aliran lalulintas dihadapan SMK Seri Lalang. Lanjutan daripada perbincangan tersebut, cerapan data lalulintas dan audit keselamatan jalanraya telah dibuat oleh 4 penyelidik utama SDRC dan PAVE MAT serta dibantu seramai 4 penolong jurutera KKIG pada hari ahad dan isnin, 9-10 hb Julai 2023. Cerapan data serta dapatan audit keselamatan jalanraya di hadapan SMK Seri Lalang akan dibentangkan ke pejabat MB Johor pada hari rabu, 12 hb Julai 2023.






**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

EDISI JUL - DIS 2023

**CETUSAN**

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA



# PELAJAR

**FKAAB** |

*Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM  
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>



## CORET CORET KONVOKESYEN UTHM 2023



**FKAAB** | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM  
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>







**FKAAB** | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*





## PELAJAR FKAAB RAIH TEMPAT PERTAMA DI 'INTERNATIONAL CONCRETE COMPETITION'



Tiga pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat pertama di dalam International Concrete Competition (ICC 2023) bersempena Civil Week 2023. Pertandingan ini diadakan di bawah anjuran Fakultas Teknik, Universitas Sebelas Maret (UNS), Surakarta, Indonesia pada 22 November 2023 hingga 25 November 2023. Ia merupakan anjuran kali ke-6 (6th International Concrete Competition) ini disertai oleh 19 penyertaan yang merangkumi dua pusingan pertandingan dengan UTHM terpilih antara 10 pasukan

teratas di pusingan akhir.

Pelajar tersebut ialah Sharel Amri Axzimi, Nuradila Lile dan Chris Ng dan bersama pensyarah pembimbing Dr. Nor Hazurina Othman. Mereka telah membawa pulang sijil, wang tunai berjumlah Rupiah 13,500,000 dan plak kemenangan.

Menurut Dr. Nor Hazurina, penyertaan di International Concrete Competition (ICC 2023) ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan konkrit usia awal yang berkekuatan tinggi dengan menggunakan bahan tambah mesra alam.

“Pertandingan ini adalah mendorong ke arah inovasi dan kreativiti dalam rekabentuk binaan konkrit yang berkeupayaan tinggi, efektif dari segi kos dan mempertimbangkan kelestarian alam dari segi penggunaan bahan dalam konkrit.”

“Penyertaan ini juga dapat menambahkan pengetahuan pelajar berkenaan teknologi konkrit hijau dengan inovasi penggunaan bahan mesra alam di samping berkongsi

pengetahuan dan pandangan bersama pelajar dari negara lain” menurutnya.

Majlis penutup telah berlangsung penuh meriah dengan disempurnakan oleh Dr. (Techn.) Ir. Solihin As’ad, M. T. selaku Dekan Fakultas Teknik, Universitas Sebelas Maret (UNS).

Penyertaan ini turut ditaja oleh FKAAB Consult Sdn. Bhd., Koperasi UTHM dan Rico Legacy Sdn. Bhd.



## SEMARAK SISWA MADANI: PENKOMPOSAN SISA PEPEJAL MAKANAN

- Tarikh** : 23 Julai 2023  
**Tempat** : Tapak Semaian dan Projek Hidroponik, Felda Palong 8, Negeri Sembilan  
**Tetamu** : Penduduk setempat Felda Palong 8  
**Peserta** : 9 orang pelajar yang terlibat terdiri daripada ahli KKA dan CiBPS bersama 5 orang pensyarah pengiring

Program ini dianjurkan untuk memberi kesedaran kepada penduduk Felda Palong 8 berkaitan kepentingan pengurusan sisa pepejal makanan. Bukan itu sahaja, program ini juga memberi tunjuk ajar kepada mereka untuk menerapkan amalan pengkomposan yang dapat memberi faedah kepada aktiviti harian serta alam sekitar. Sisa pepejal makanan yang telah dikompos dapat menghasilkan baja organik. Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat sambutan dari penduduk setempat dan berjalan dengan dengan baik. Pihak KKA dan CiBPS berharap agar program khidmat masyarakat seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang.



## KESUNGGUHAN PELAJAR KEM GEOMATIK 2023 SESI KE 5 MENYAMBUT KEMERDEKAAN KE 66

Seramai 110 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam yang mengambil Kem Amalan Geomatik pada sesi ke 5 telah mengadakan sambutan kemerdekaan secara sederhana.

Menurut Penyelia kem Encik Khairul Nizam Mohd Yunus, perbincangan ringkas telah dilakukan bersama Dr Mohd Azuan dan Dr Nazirah selaku penyelia bersama dan dibantu oleh Puan Jalilah dan Puan Azura selaku Penolong Jurutera bagi mengadakan sambutan kemerdekaan demi menyemai semangat kemerdekaan di kalangan pelajar walaupun jadual kem amat padat.

Kem Amalan Geomatik merupakan subjek wajib diambil oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian. Kebiasaannya subjek ini akan dijalankan ketika cuti semester. Pelajar akan berkampung selama 6 hari dikawasan yang terpilih sebagai lokasi kem. Kali ini PD Sanctuary Outdoor Training Camp Port Dickson menjadi lokasi pilihan. Terdapat 6 sesi kem pada Semester III 2022/2024 yang mana sesi ke 5 jatuh pada hari kemerdekaan.

Pelajar telah dikumpulkan bermula jam 7 pagi 31 Ogos 2023 di padang kawad PD Sanctuary Outdoor Training Camp Port Dickson. Sambutan dimulakan dengan laungan kemerdekaan sebanyak 7 kali oleh Arifuddin bin Mohd Hamizi selaku Ketua Pelajar. Kemudian bendera

Malaysia dinaikan oleh saudara Jeevitan Nair A/L Sankar dengan diringi oleh nyanyian lagu NegaraKu beramai-ramai. Sambutan diteruskan dengan bacaan ikrar pimpinan Saudara Kumar A/L Murali. Sambutan kemerdekaan ini diakhiri dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang secara beramai-ramai. Sambutan kemerdekaan secara sederhana tetap dilaksanakan dengan penuh semangat walaupun para pelajar masih mempunyai tugas kem yang perlu diselesaikan. Sambutan ini turut disertai oleh pelajar international. Dari temubual, mereka juga belajar menghargai kemerdekaan dari sambutan ini.

Apa yang cuba diterapkan pada jiwa pelajar adalah biar kita punyai banyak urusan kerja namun sambutan hari kemerdekaan perlu diraikan dengan penuh semangat perpaduan. Para pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama perlu sentiasa sedar bahawa kebebasan yang dinikmati hari ini adalah hasil daripada pengorbanan dan perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan serta atok moyang mereka terdahulu.

Laungan kemerdekaan yang dilagukan oleh mereka diharapkan dapat menyuntik semangat untuk terus mempertahankan Negara Malaysia yang tercinta daripada cabaran alaf baharu bersesuaian dengan tema kemerdekaan kali ini iaitu Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.

## BUILD AND BREAK COMPETITION


**Tarikh** : 10 November 2023  
**Masa** : 8.00 AM - 1.00 PM  
**Tempat** : Dataran Terbuka, UTHM

Pada 10 November 2023, Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) dengan kerjasama Concrete Society of Malaysia Student Chapter (CSMSC) telah menganjurkan Program Build and Break Competition yang berlangsung di Dataran Penyu, UTHM.

Program ini dianjurkan bagi memberi pengalaman kepada para peserta membangun strategi yang baik, kecepatan dan ketepatan dalam menghasilkan prototaip struktur yang stabil. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membentuk mahasiswa/i berdaya kreatif dalam menghasilkan rekabentuk prototaip yang kukuh dengan menggunakan bahan yang terhad, serta mampu memupuk

sikap kerjasama berpasukan melalui pertandingan yang dijalankan. Pihak penganjur telah menjemput beberapa pensyarah UTHM sebagai panel penilai bagi pertandingan ini, antaranya adalah Dr Zalipah Jamellodin, Prof Madya Ir Dr Faisal Sheikh Khalid, Prof Madya Ir Ts Dr Abdul Halim Abdul Ghani, Dr Nor Hazurina, Encik Koh Heng Boon dan Encik Mohd Khairy Burhanudin.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar di atas kerjasama para AJK dan peserta walaupun kehadiran peserta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Program ini telah disertai oleh 45 orang peserta yang telah dibahagi kepada 9 kumpulan. Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Dr Sushilawati Ismail (wakil penasihat KKA) dan Dr Siti Radziah Abdullah (penasihat CSMSC).








**BUILD & BREAK COMPETITION**  
10 NOVEMBER 2023 | FRIDAY  
Dataran Penyu, UTHM  
8.00 AM - 1.00 PM

**Prizes**

- 1. RM 150
- 2. RM 100
- 3. RM 50

**Details**

- Limited to 16 groups ONLY!
- 2.5 student/group
- Materials provided.
- Can bring own cutting tools
- FEE RM25/group ONLY!!

Terms & Conditions provided below in Google Drive link

IN COLLABORATION WITH **PKKA**

SPONSORED BY **PKKA**


KLUB KEJURUTERAAN AWAM  
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM  
DAN ALAM BINA



## ROUTE TO INGENIEUR

**Tarikh** : 28 Oktober 2023  
**Masa** : 8.30 AM - 11.30 AM  
**Tempat** : Bilik Seminar 2 B6  
**Penceramah**: Ir. Nor Saleheen binti Abdul Razak  
**Peserta** : Mahasiswa FKAAB

Program ini dianjurkan untuk pelajar FKAAB bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa/i mengenai perjalanan seorang graduan kejuruteraan awam setelah tamat belajar sehingga bergelar jurutera profesional. Selain itu, program ini juga bertujuan meningkatkan keyakinan diri dan memupuk minat mahasiswa untuk mendapatkan kelayakan sebagai seorang jurutera profesional (Ir.). Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) telah menjemput penceramah bertauliah yang juga merupakan alumni UTHM yang bergelar jurutera daerah iaitu Ir. Nor Saleheen Binti Abdul Razak. Ceramah dimulakan dengan penerangan dan pembentangan daripada penceramah, diikuti dengan sesi soal-jawab antara peserta dan penceramah. Para peserta telah mendapat pengetahuan mengenai perjalanan untuk bergelar sebagai jurutera profesional. Penceramah turut memberi nasihat mengenai perjalanan sebagai seorang jurutera profesional. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan baik dan lancar walaupun kehadiran peserta tidak mencapai sasaran. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, FKAAB telah hadir pada program ini.



**ROUTE TO INGENIEUR (IR)**

SCAN TO REGISTER

**SPEAKER**  
IR. NOR SALEHEEN BINTI ABDUL RAZAK

SMAP & E-CERT PROVIDED  
LIMITED TO 70 STUDENTS ONLY!

DATE : 28 OCTOBER 2023  
TIME : 8:30AM - 12:00PM  
VENUE : BLOCK 6, BILIK SEMINAR B2

ANY QUESTION :  
AFIOAH : 014-6507274  
ZAIFATUL:013-3248039

KELAB KEJURUTERAAN AWAM  
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA






## WHAT IS CIVIL ENGINEERING JOB SCOPE


**Tarikh** : 21 Oktober 2023  
**Masa** : 10.00 AM - 4.30 PM  
**Tempat** : Atas talian (Zoom)  
**Penceramah**: Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Adib Bin Mohammad Razi  
 Prof. Ir. Ts. Dr. Adnan Bin Zainorabidin  
**Peserta** : Mahasiswa FKAAB


Program ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i FKAAB khususnya mengenai bidang-bidang kejuruteraan awam yang boleh diceburi di Malaysia. Selain itu, program ini juga bertujuan membekalkan panduan dalam pencarian pekerjaan kepada mahasiswa/i selepas bergraduasi agar mempunyai idea yang jelas mengenai skop kerja di dalam bidang kejuruteraan awam. Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) telah menjemput penceramah dalam dua bidang/skop kejuruteraan awam iaitu Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Adib Bin Mohammad Razi (bidang hidrologi) dan Prof. Ir. Ts. Dr. Adnan Bin Zainorabidin (bidang goeteknik). Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan baik dan lancar atas kerjasama para ahli jawatankuasa program dan peserta. Seramai 52 orang pelajar telah hadir pada program ini. Diharapkan, program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



## KURSUS MUET (SPEAKING SKILLS)

Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan Kursus MUET (Speaking Skills) secara atas talian melalui platform ZOOM pada 14 Oktober 2023. Program ini disertai oleh 46 orang peserta. Program diketuai oleh Abdul Rahman Bin Abu Bakar, selaku Pengarah Program. Program ini berlangsung selama 2 jam. Program ini dianjurkan untuk pelajar FKAAB bagi mahasiswa/i FKAAB mempelajari strategi dan teknik yang lebih cekap dalam menghadapi peperiksaan MUET. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membina keyakinan dan persiapan pelajar sebelum menduduki peperiksaan MUET. Pihak KKA menjemput penceramah bertauliah yang juga merupakan penceramah bebas bagi ujian MUET iaitu Puan Nurul Iman Binti Ahmad Bukhari. Taklimat dijalankan dengan 2 sesi iaitu sesi pertama adalah penerangan dan pembentangan daripada penceramah dalam menjawab soalan MUET bahagian bertutur atau speaking manakala sesi kedua pula ialah sesi soal jawab antara peserta dan penceramah. Para peserta dapat pengetahuan format soalan MUET terkini dari penceramah di samping penceramah berkongsi tips untuk mendapat markah tinggi dalam bahagian speaking peperiksaan MUET. Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan baik dan lancar atas kerjasama para AJK dan peserta dengan kehadiran seramai 46 orang peserta. Program ini perlu diteruskan pada masa akan datang





## EXORDIUM 2.0 2023

<b>Tarikh</b>	: 12 Oktober 2023
<b>Tempat</b>	: Kampus Bandar, UTHM
<b>Tetamu</b>	: Pensyarah Program Senibina, UTHM
<b>Peserta</b>	: Semua pelajar Program Senibina

Program ini dianjurkan sebagai sesi suai kenal sesama pelajar Program Senibina meliputi pelajar Tahun Satu, Dua dan Tiga. Program ini dimulakan dengan Annual General Meeting (AGM) yang menyaksikan penyerahan jawatan daripada mantan AJK Archibrigade lama ke jawatankuasa yang baru disusuli dengan pembentangan belanjawan untuk diserahkan kepada AJK baru. Program diteruskan dengan ucapan pembukaan dan perasmian oleh Ketua Jabatan, Ts. Dr. Noor Dina Md. Amin sebelum ucapan daripada mantan Penasihat kelab, En. Nasrul Arif bin Ahmad Mahmud dan Dr. Azmal bin Sabil. Program diteruskan dengan permainan dan pertandingan yang menyaksikan pelajar dari setiap kohort dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil dan diberi tugas untuk disempurnakan. Pertandingan yang dijalankan adalah 'My Tower' yang mana arca yang dibina diadili oleh Pensyarah Jabatan. Program ini dijangka akan diteruskan pada tahun hadapan dengan matlamat program yang sama.

## SESI SANTAI BERSAMA PAK

**Tarikh** : 19 November 2023  
**Masa** : 9.00 AM - 1.00 PM  
**Tempat** : Sekitar bangunan FKAAB  
**Peserta** : Semua pelajar dan  
Penasihat Akademik &  
Kerjaya (PAK) FKAAB

Sesi Santai bersama PAK telah berlangsung pada 19 Nov 2023 bersempena Progam FUYOO 7.0 anjuran Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar & Alumni (FKAAB) bersama Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) yang dijalankan sepanjang 3 hari dari 19-21 Nov 2023. Terdapat dua aktiviti utama dalam sesi santai bersama PAK iaitu acara treasure hunt dan juga Connect to Reflect.

Bagi aktiviti treasure hunt, PAK telah diagihkan kepada 6 pasukan utama iaitu Ladybug (merah), Bee (Kuning), Grasshopper (hijau), Dragonfly (Biru), Spider (Hitam) dan Butterfly (Ungu). Bagi setiap pasukan, PAK bersama pelajar penasihat masing-masing diagihkan pula kepada 7 pasukan kecil untuk bermain di dalam 7 zon yang berbeza. Setiap zon terdapat 5 jenis permainan yang perlu disertai untuk mengumpul mata bagi pasukan masing-masing. Terdapat pelbagai permainan yang dijalankan di dalam setiap zon yang bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan hubungan mesra antara PAK dan pelajar-pelajar seperti pancing botol, limbo kayu, bola beracun, apit bola, gelek bola, cup pong

dan banyak lagi. Suasana semasa aktiviti berlangsung sangat meriah dengan gelak tawa, sorakan dan senda gurau antara peserta, Selepas lebih 2 jam aktiviti berlangsung, markah terkumpul tertinggi telah diungguli oleh pasukan Dragonfly sebagai juara keseluruhan. Kemenangan hanyalah bonus, objektif utama untuk sesi santai ini telah tercapai dengan penyertaan dan sambutan yang baik daripada majoriti PAK dan pelajar penasihat masing-masing.

Selesai aktiviti treasure hunt, PAK dan pelajar-pelajar penasihat masing-masing berkumpul untuk sesi bualmesra yang lebih privasi untuk aktiviti Connect to Reflect. Tujuan sesi ini adalah untuk memberi peluang pada para pelajar untuk meluahkan perasaan, kegusaran, berkongsi masalah dan mendapatkan nasihat daripada PAK tentang cabaran dan pembelajaran sepanjang pengajian. Kesempatan ini telah digunakan PAK untuk menaja makan tengahari pelajar masing-masing. Ada yang terdahulu menempah set makanan, ada juga PAK yang menjamu air tangan sendiri, dan ada juga yang sama-sama berbelanja di Karnival Keusahawanan GEGAR FKAAB yang berlangsung pada waktu yang sama. Setidak-tidaknya sesi yang ringkas seperti ini dapat mewujudkan ikatan silaturrahim yang lebih selesa dan serasi antara PAK dan pelajar-masing-masing.



## PROGRAM YOUNG EMPLOYABLE STUDENTS (YES!) BERSAMA TALENTCORP



**Tarikh** : 2 & 3 November 2023  
**Masa** : 8:00 AM - 5:00 PM  
**Tempat** : Dewan Sultan Ibrahim  
**Peserta** : Mahasiswa/i FKAAB, FKEE, FKMP dan FTK.

Program Young Employable Students (YES!) bersama Talentcorp yang dianjurkan oleh Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), dengan kerjasama Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE), Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM), Engineering Technology Club (EteC), dan Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA) pada 2 & 3 November 2023, di DSI, UTHM, telah mencapai kejayaan yang luar biasa. Program ini berjaya mencapai objektif utamanya, iaitu membantu pelajar dalam penyediaan profil kerja, memberikan pendedahan mengenai teknik menarik hati penemuduga, dan

meningkatkan kemahiran insaniah pelajar sebagai persiapan mereka untuk alam kerjaya. Individu peserta berjaya memperoleh pengetahuan mendalam dalam penulisan profil kerja, langkah-langkah temuduga yang berkesan, serta motivasi untuk terus berusaha menjadi graduan yang kompeten. Kejayaan ini tidak hanya memberi impak positif kepada individu peserta, tetapi juga memberikan kelebihan kepada organisasi, kelab, dan persatuan yang terlibat. Program ini telah melahirkan graduan yang lebih kompeten dan bersedia menyertai alam pekerjaan. Selain itu, ia juga menarik minat pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti universiti dan kelab, menyumbang kepada peningkatan nama baik universiti dan kelab secara langsung dan tidak langsung.





Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Bin Abdul Rahim pada hari pertama. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah Encik Megat Fazrul Azlin Bin Megat Abd Aziz (Head of Department Graduate & Emerging Talent), Prof. Ir. Mohd Haziman bin Wan Ibrahim (Dekan FKAAB), Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi bin Kamaruddin (Pengarah PKKA), wakil-wakil dekan-dekan fakulti, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) fakulti, penasihat kelab dan Ketua Jabatan PKKA. Pada hari pertama (2 November 2023), peserta yang terlibat adalah pelajar-pelajar tahun 3 yang akan menjalani Latihan Industri pada tahun 2024. Penceramah yang terlibat adalah Puan Rahmah binti Razali dari Consultant dari Matrix Academy yang telah menyampaikan ceramah bertajuk “Outstanding Resume Writing and Cover Letter”; dan Encik S. Hemachandran dari Direct English Malaysia yang telah menyampaikan ceramah bertajuk “Wow Your Employers with Excellent Public Speaking and Soft Skills”.

Pada hari kedua (3 November 2023), peserta-peserta yang terlibat adalah pelajar-pelajar tahun akhir yang akan bergraduasi pada tahun 2024. Tajuk-

tajuk ceramah yang disampaikan adalah “Outstanding Resume and Cover Letter” (disampaikan oleh Puan Rahmah binti Razali), “Interview Tips: Do’s and Dont’s” dan “Wow Your Employers with Excellent Public Speaking and Soft Skills” (disampaikan oleh Encik Zul Aiman).

Kesimpulannya, perjalanan program ini bukan sahaja memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar, tetapi juga membentuk individu yang lebih yakin dan bersedia menyongsong cabaran alam pekerjaan. Kejayaan program ini menandakan usaha bersepadu pihak penganjur untuk memastikan pelajar mendapat persediaan yang mencukupi dan relevan dalam menghadapi dunia pekerjaan yang kompetitif.



## ANNUAL GRAND MEETING

**Tarikh** : 26 Oktober 2023  
**Masa** : 2.30 PM – 4.30 PM  
**Tempat** : Bilik Tutorial 3  
**Peserta** : Ahli Kelab Kejuruteraan Awam (KKA)

Program ini merupakan acara tahunan ahli-ahli Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) yang dapat memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju dan kejayaan kelab Kejuruteraan Awam. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Prof Madya Ts. Dr Azneita binti Suratkon, Prof Madya Ir. Ts. Dr. Nor Haslinda binti Abas dan Dr Sushilawati binti Ismail. Majlis dimulakan dengan ucapan kata-kata aluan dari Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (Prof Madya Ts. Dr. Azeanita binti Suratkon) dan Penasihat Kelab (Prof Madya Ir. Ts. Dr. Nor Haslinda binti Abas). Seterusnya, Presiden Kelab bagi Sesi 2022/2023, iaitu Saudari Nathrah Hanim binti Muhamad Nazri telah mengumumkan pembubaran Ahli Jawatankuasa KKA sesi 2022/2023. Majlis diteruskan dengan pengumuman pembentukan jawatankuasa KKA Sesi 2023/2024 oleh Presiden Kelab baharu iaitu Nur Nadia Izzati binti Zamri. Presiden KKA sesi 2023/2024 menerangkan secara umum berkenaan Kelab Kejuruteraan Awam dan fungsinya. Pembentangan Portfolio Jawatankuasa bagi setiap Majlis tertinggi dan Jabatan Sesi 2022/2023 juga diterangkan didalam program ini. Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan baik dan lancar dan berjaya mendapat sambutan dengan kehadiran seramai 41 ahli Kelab Kejuruteraan Awam. Program diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan ringkas.





# STAF



## PENGHARGAAN

Fakulti juga merakamkan ucapan penghargaan kepada tiga staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) atas khidmat sumbangan yang telah diberikan dalam jawatan masing-masing serta enam staf yang telah dianugerahkan Profesional Engineer (Ir.).

### ----- TERIMA KASIH -----



**THANK YOU**  
*& All The Best*

for your dedication and commitment



**PROF. IR. TS. DR. MOHD IRWAN  
BIN JUKI**

Dean  
Faculty of Civil Engineering  
and Built Environment

(01/12/2021 - 30/09/2023)

*sincerely*

**Faculty of Civil Engineering and  
Built Environment**



**THANK YOU**  
*& All The Best*

for your dedication and commitment

**PROF. IR. TS. DR. MOHD HAZIMAN  
BIN WAN IBRAHIM**

Deputy Dean  
Academic and International

(01/12/2021 - 30/09/2023)

*sincerely*

**Faculty of Civil Engineering and  
Built Environment**



**THANK YOU**  
*& All The Best*

for your dedication and commitment

**MR ISHAM BIN ISMAIL**

Safety Liaison Officer (SLO)  
(November 2019 - September 2023)

*sincerely*

**Faculty of Civil Engineering and  
Built Environment**



PROFESSIONAL



*Congratulations*

**Ir. Dr. Goh Wan Inn**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030



*Congratulations*

**Assoc. Prof. Ir. Ts. Dr. Norashidah Abd Rahman**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030



*Congratulations*

**Ir. Ts. Dr. TONG YEAN GHING**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030



*Congratulations*

**Prof. Ir. Dr. Noridah Mohamad**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030



*Congratulations*

**Ir. Dr. HARTINI BINTI KASMIN**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030



*Congratulations*

**Ir. Dr. NOR HAYATI ABD GHAFAR**

for being certified as

**Professional Engineer**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my>  Global Technopreneur University 2030





# KOMUNITI

## **PROGRAM PRIHATIN GOTONG ROYONG BERSIH RUMAH ANJURAN PEJABAT DUN PULAI SEBATANG BERSAMA SOUTHERN VOLUNTEERS**

**Tarikh** : 13 Disember 2023  
**Tempat** : Dun Pulau Sebatang  
**Peserta** : 16 pelajar FKAAB  
: 2 Pensyarah  
: Sukarelawan dari Southern  
Volunteers  
: Komuniti setempat


Satu program gotong-royong di Dun Pulau sebatang, Pontian telah diadakan dengan jayanya pada hari Rabu, 13 Disember 2023. Program ini telah disertai oleh 16 pelajar dan 2 pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), sukarelawan dari Southern Volunteers, dan juga komuniti setempat. Program ini bertujuan untuk menyemai sikap kesedaran terhadap kebersihan persekitaran serta mewujudkan suasana kerjasama dan perpaduan di antara mahasiswa dan komuniti.

Peserta telah berkumpul di Dewan Komuniti Dun Pulau Sebatang pada 1.00 tengah hari

dan telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan telah bergerak ke kawasan yang telah ditetapkan dan terus menyumbangkan tenaga dan usaha mereka dalam aktiviti gotong-royong. Antara aktiviti termasuklah pembersihan kawasan persekitaran serta pengecatan struktur rumah. Semangat gotong-royong yang tinggi dan kerjasama yang baik mencerminkan komitmen terhadap kelestarian alam dan kebersihan kawasan tersebut.

Program ini berjaya mencapai objektif menyemai kesedaran terhadap kepentingan kebersihan persekitaran di kalangan mahasiswa FKAAB. Selain itu, hubungan positif dapat dibina antara mahasiswa FKAAB dengan komuniti setempat dan sukarelawan dari Southern Volunteers. Turut hadir bagi menjayakan program ini adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Dun Pulau Sebatang, iaitu Yang Berhormat Hasrunizah binti Hj. Hassan.





## SULAM KURSUS JURUTERA DAN MASYARAKAT

**Tarikh** : 26 November 2023  
**Masa** : 8.00 AM - 4.00 PM  
**Tempat** : Pantai Minyak Beku, Batu Pahat  
**Panel** : Ir. Ts. Dr. Raha binti Abd Rahman  
**Peserta** : 71 orang pelajar FKAAB

Pada 26 November 2023, telah berlangsungnya Program Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM) anjuran kursus Jurutera dan Masyarakat yang bertujuan untuk membersihkan sekitar Pantai Minyak Beku, Batu Pahat. Program ini telah ditaja oleh Wentel Engineering Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Southern Volunteers Batu Pahat. Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penyertaan aktif dalam menjaga kebersihan pantai melalui acara pembersihan yang diadakan secara berkala dan berterusan.

Seramai 71 orang pelajar FKAAB yang mengambil kursus BFC 32202 Jurutera dan Masyarakat telah terlibat dalam program ini. Program ini turut disertai oleh pensyarah kursus iaitu Ir. Ts. Dr. Raha binti Abd Rahman, Felo Industri Utama, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, UTHM. Melalui program ini, ia dapat membantu membentuk sikap peduli terhadap alam persekitaran. Pelajar akan lebih memahami dan mengambil kira tanggungjawab mereka terhadap kelestarian alam dan akan merasa terlibat secara aktif dalam menjaga keindahan pantai.







# FKAAB | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*

  Fkaab UTHM    Fkaab UTHM  
Johor Malaysia    <http://fkaab.uthm.edu.my>

